

10/07/2002

Hudud : Peguam Negara rujuk syariah Kelantan

SEREMBAN, Selasa - Pejabat Peguam Negara menunggu keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung penggubalan dan kelulusan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993, sebelum memutuskan tindakan terhadap Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, semalam.

Peguam Negara, Datuk Abdul Gani Patail, berkata Mahkamah Persekutuan akan mendengar permohonan itu, Khamis ini.

Beliau berkata, pihaknya bukan tidak mepedulikan apa yang berlaku di Terengganu apabila DUN negeri itu meluluskan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) semalam.

"Kami akan melakukan (apa yang sepatutnya) apabila tiba masanya," katanya ketika diminta mengulas langkah yang akan diambil Pejabat Peguam Negara berhubung kelulusan undang-undang hudud Pas, semalam.

Peguam Zaid Ibrahim, pada 14 Jun lalu, mengemukakan permohonan perisytiharan Mahkamah Persekutuan bahawa DUN Kelantan dan Terengganu tidak mempunyai kuasa untuk menggubal atau meluluskan undang-undang itu.

Bagaimanapun, pada 25 Jun lalu, beliau menarik balik permohonan bagi mendapat kebenaran mengemukakan permohonan perisytiharan Mahkamah Persekutuan bahawa DUN Terengganu tidak mempunyai kuasa perundangan untuk menggubal atau meluluskan Rang Undang-Undang itu.

Sehubungan itu, Hakim Besar Malaya, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, yang bersidang secara sendirian membatalkan permohonan Mohd Zaid.

Ahad lalu, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M dibentangkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan diluluskan, semalam.

Abdul Gani berkata beliau percaya terhadap kebijaksanaan rakyat Terengganu yang akan membuat keputusan berhubung undang-undang hudud itu.

"Kami akan mengendalikan perkara ini seperti biasa. Jika ada reaksi daripada rakyat, barulah kami akan melakukan atau bertindak sewajarnya. Buat masa ini, biarkan perkara ini begitu," katanya.

Sementara itu, mengulas tindakan Ahli Parlimen Pas Kuala Kedah, Mohamad Sabu, yang dikatakan menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dengan menggunakan perkataan seperti haprak, Abdul Gani berkata belum ada laporan polis dibuat.

Katanya, tindakan yang akan dibuat bergantung kepada bukti yang ada dan setakat ini, lebih baik polis menyasat dulu.

"Selepas kami mendapat laporan siasatan, kami akan menilainya sebelum bertindak. Polis sedang melakukan yang terbaik dan mereka juga perlu adil," katanya.